RESPON AWAL ATAU TANGGAPAN AWAL TERHADAP

PEMIKIRAN, SAINS DAN TEKNOLOGI

PEMIKIRAN

-adalah segala sesuatu yang berkaitan dengan pola atau cara fikir seseorang terhadap sesuatu perkara. Boleh juga dikatakan sebagai tata cara fikir dalam penyelesaian sesuatu masalah yang sedang dihadapi. Ada sesetengah orang yang mengatakan bahawa pemikiran adalah sesebuah ideologi kerana ianya berkaitan dengan pemahaman seseorang terhadap sesuatu perkara. Pemikiran setiap orang atau cara pandang seseorang terhadap sesuatu perkara adalah berbeza kerana setiap manusia memiliki cara fikir yang berbeza terhadap sesuatu.

SAINS

-sains adalah ilmu pengetahuan alam sama ada yang berada di bumi ataupun segala sesuatu yang tidak ada di bumi bermaksud ianya di alam semesta ini.Sains memberikan kemajuan terhadap dunia pada masa ini.Perkembangan sains membawa kepada perkembangan teknologi yang kita lihat sekarang.Sains lebih kepada inovasi perubahan kepada kemajuan dalam ilmu yang berkembang dari masa ke semasa.SEtiap hari akan ada penemuan sains yang beraneka ragam dan bervariasi.

TEKNOLOGI

-teknologi hampir serupa dengan sains.yang berbeza adalah teknologi berkaitan dengan segala sesuatu yang telah menjadi canggih mengikut peredaran masa.Contohnya,pada masa dahulu sesetengah orang menghantar surat menggunakan burung merpati,tetapi sekarang surat boleh dihantar menggunakan poslaju dan yang paling canggih adalah melalui email iaitu suatu perhubungan tanpa wayar.Itulah yang dikategorikan sebagai perkembangan teknologi.